

RAGAM BAHASA DALAM WACANA POLITIK LEWAT PRA- PRU14.

Norhasliza Ramli
norhasliza@kuis.edu.my

Dr. Norfazila Ab Hamid
norfazila@kuis.edu.my

Riduan Bin Makhtar
riduan@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Manusia berbahasa menerusi pelbagai cara dan kaedah. Dalam strategi ke arah menuju Pilihan Raya Umum (PRU) yang ke-14, terdapat pelbagai bentuk ragam bahasa yang diguna pakai oleh ahli parti (pewacana) untuk menonjolkan kelebihan parti, sebaliknya pula kelemahan parti politik di pihak lagi satu. Semua ini adalah lumrah dalam politik di dunia, amnya dan Malaysia khususnya. Pengkaji menggunakan akhbar secara atas talian, iaitu Sinarharianonline sebagai data kajian. Setiap bait kalimat, ayat atau wacana yang dituturkan oleh pewacana dan dilaporkan dalam akhbar Sinaronline menarik minat pengkaji untuk memperhalusinya dari sudut ilmu bahasa, yang pengkaji fokuskan ke arah ragam bahasa. Maka, pengkaji dapati banyak kenyataan pewacana menggunakan ragam bahasa sindiran, ragam bahasa tempelak, ragam bahasa mengejek dan ragam bahasa keluhan. Kepelbagaian ragam bahasa yang dipamerkan lahir dari jalinan emosi dan nilai-nilai sosial dalam masyarakat sebagaimana ditegaskan oleh Pendeta Za'ba (1965) yang menjadi sandaran teori kajian ini. Dapatan kajian juga mendapati bahawa ragam bahasa yang dituturkan oleh wakil-wakil parti politik sama ada pihak pembangkang mahu pun kerajaan dilihat tidak selari

dengan amalan kesantunan dan adab yang sepatutnya dipegang oleh orang Melayu, khasnya dan beragama Islam amnya, kerana agama Islam melalui panduan al-Quran dan as-Sunnah melarang umatnya berkata nista, berkata buruk, mencerca hatta membuat fitnah terhadap satu sama lain. Gambaran kurang elok daripada bahasa yang dituturkan oleh pewacana dikhuatiri melambangkan peribadi individu yang terbabit dalam dunia politik.

Kata Kunci : *Wacana politik, ragam bahasa, pra-PRU14*

PENDAHULUAN

Manusia menggunakan bahasa secara umumnya ialah untuk berkomunikasi bagi menyampaikan maklumat atau maksud yang dihajati. Menurut Edward Sapir (1921), bahasa didefinisikan sebagai suatu kaedah yang bukan naluri untuk manusia menyampaikan idea, emosi, dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sedar. Hall (1968: 58), pula menegaskan bahawa bahasa ialah salah satu institusi untuk manusia berkomunikasi dan berinteraksi melalui simbol-simbol lisan pendengaran yang abitrari mengikut sifatnya.

Ferdinand de Saussure, seorang sarjana linguistik Swiss mendefinisikan bahasa sebagai satu sistem isyarat yang mempunyai bahagian terpenting berupa gabungan daripada erti dengan bayangan bunyi dan kedua-duanya adalah bersifat psikologi. Menurutny lagi, erti dan bunyi itu tidaklah terpisah tetapi tergabung dalam satu rangkaian ucapan menurut hukum-hukum tatabahasa. Dapat disimpulkan juga bahawa bahasa itu merupakan lambang-lambang bunyi yang dihasilkan oleh alat-alat sebutan manusia, bersistem atau mempunyai susunan tertentu. Selain itu, ia juga mempunyai bentuk-bentuk tertentu, bertugas menyampaikan dan menyatakan sesuatu, yang mengandungi makna untuk difahami oleh orang lain bagi mewujudkan interaksi sesama manusia.

Bahasa manusia boleh berlaku juga secara langsung dan tidak langsung. Bahasa yang dimanifestasikan secara langsung, membolehkan kita mendengar dan melihat, misalnya melalui khutbah, ucapan, syarahan, pidato, perbahasan, penyampaian taklimat dan sebagainya. Sementara bahasa secara tidak langsung boleh berlaku melalui tulisan yang dapat dilakukan dengan menggunakan perantaraan media, grafik, carta dan sebagainya.

Tuntasnya, ragam bahasa ini ada kaitan rapat dengan istilah fungsi, iaitu penggunaan bahasa untuk tujuan tertentu seperti fungsi komunikatif dan fungsi pengungkapan. Fungsi komunikatif ialah fungsi bahasa untuk tujuan menyampaikan maklumat antara penutur atau penulis dengan pendengar atau pembaca. Fungsi pengungkapan pula ialah fungsi bahasa untuk tujuan mengungkapkan perasaan seseorang. Dalam dunia teknologi maklumat, iaitu penerokaan informasi alam maya tanpa sempadan, membolehkan persembahan bahasa manusia dibaca secara atas talian. Ekoran dari itu, pengkaji memilih akhbar Sinarharianonline sebagai data kajian dalam meneliti jenis-jenis ragam bahasa yang selalu diguna pakai oleh ahli politik sama ada dari pihak pembangkang mahupun kerajaan.

SEKILAS LALU TENTANG BERITA SINARONLINE

Sinar Harian merupakan sebuah akhbar berbahasa Melayu di Malaysia. Ia pertama kali diterbitkan pada 31 Mac 2006 untuk pasaran negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu. Selain itu, Edisi Selangor dan Kuala Lumpur juga diedarkan di sekitar Lembah Kelang. Edisi Melaka dan Negeri Sembilan, Edisi Perak serta Edisi Utara untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Akhbar ini diterbitkan lima hari seminggu, iaitu dari Isnin hingga Jumaat.

Akhbar ini bersaiz kompak dan menyasarkan kepada semua peringkat lapisan masyarakat dengan slogan "Cakna & Dinamik". "Cakna" merupakan dialek Kelantan dan Terengganu yang bermaksud ambil tahu atau prihatin. Akhbar ini mempunyai 48 halaman dan berharga "samah" atau 50 sen sahaja di awal keluarannya. Namun kini, ia berharga RM1.20 Ia menyajikan berita-berita semasa daerah-daerah di Kelantan dan Terengganu di samping berita nasional (sebagai berita kedua). Ia juga memaparkan berita sukan, maklumat pelancongan, wanita dan berita luar negara.

Ia dicetak dan diterbitkan oleh Akhbar Cabaran Sdn Bhd yang berpangkalan di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Sinar Harian pertama kali diterbitkan pada Ogos 2006, yang edarannya hanya merangkumi negeri Kelantan dan Terengganu. Pada April 2007, Edisi Pahang pula menyusul. Sebelum itu, Edisi Kelantan dipisahkan dengan Terengganu untuk lebih ruang laporan daerah mereka. Hujung tahun 2007, Edisi Selangor dan Wilayah Persekutuan pula diterbitkan. Setahun kemudian, Sinar Harian diterbitkan pula di Negeri Sembilan dan Melaka serta di Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Januari 2009 adalah

diterbitkan Edisi Perak. 18 Jun 2010, Edisi Semenanjung terakhir, Johor diterbitkan (www.wikipedia.com).

Cuma beza berita akhbar Sinar Harian yang pengkaji gunakan sekarang ialah data mentah tersebut dijana daripada medium internet, iaitu Sinaronline, iaitu melalui berita atas talian.

OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji ingin menunjukkan bahawa objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- I. Menonjolkan wacana politik yang diambil daripada tajuk-tajuk berita hangat di kolum pra-PRU14 dalam Sinaronline.
- II. Mengenal pasti jenis ragam bahasa yang digunakan menerusi wacana politik tersebut.
- III. Membuat rumusan tentang impak penggunaan ragam bahasa tersebut dan dipertalikan dengan konsep adab dan aspek kesantunan yang digariskan oleh Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menerapkan beberapa kaedah dalam penghasilan kajian ini yang melibatkan:

Pemerhatian

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian ke atas tajuk-tajuk berita yang dipaparkan di laman Sinaronline sepanjang bulan Mac-April 2018 sejajar dengan kehangatan dan bahang pra-PRU14 yang kian terasa di Malaysia.

Kajian Perpustakaan

Pengkaji memanfaatkan sumber kajian daripada bahan rujukan ilmiah, jurnal, makalah dan bahan ilmiah lain yang bersangkutan dalam membantu penghuraian tajuk ini.

Rujukan internet

Pengkaji turut memanfaatkan medium rujukan daripada internet kerana data mentah utama pengkaji adalah bahan daripada atas talian, iaitu berita Sinaronline dan pautan-pautan daripada laman sesawang yang bersangkutan dengan aspek politik yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan.

TEORI RAGAM BAHASA

Ragam secara kasarnya boleh bermaksud jenis, aneka, atau macam. Menurut *Kamus Dewan* (1996), ragam bahasa didefinisikan sebagai variasi bahasa berdasarkan penggunaannya yang berkaitan dengan situasi yang tertentu. Ragam bahasa menurut kaca mata Za'ba dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu* (1965), mendefinisikan sebagai beberapa jenis bahasa yang khas yang merupakan bahasa dalam karangan atau percakapan kerana menguatkan tujuan kata dan mempertajam hasilnya kepada fahaman pendengar dan pembaca. Za'ba menambah lagi bahawa ragam bahasa digunakan sama ada dalam penulisan atau lisan untuk menguatkan tujuan penulisan atau lisan itu dan menambahkan kefahaman pembaca pada sesuatu peristiwa atau perkara yang ingin dinyatakan. Dalam kata lain, ragaman bahasa ini dapat dikatakan sebagai bahasa tertentu yang digunakan untuk menyatakan sesuatu maksud tertentu. Lebih jelas lagi, ragam bahasa ialah laras bahasa yang digunakan dalam pelbagai cara untuk menguatkan sesuatu maksud yang dituturkan atau ditulis secara tersirat.

Dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu* itu, ada disebutkan terdapat sejumlah lima belas ragam bahasa manusia. Ragam bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa naik, bahasa pertanyaan ingkar, bahasa seruan atau keluhan, bahasa berulang, bahasa bertimbal, bahasa bukan dan bahasa jenaka.

Walau bagaimanapun, pengkaji tidak akan memuatkan kesemua jenis ragam bahasa tersebut. Pengkaji akan memilih data-data wacana yang paling banyak dimanfaatkan oleh pewacana dalam Sinaronline sahaja untuk dihuraikan sewajarnya.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada pengamatan dan pemerhatian pengkaji berkenaan wacana politik semasa khususnya menjelang PRU-14 dalam berita Sinaronline, pengkaji dapat membuat satu kesimpulan hasil daripada bentuk ragam bahasa yang ada kaitan dengan sifat, tindak-tanduk, tuturan yang ada sangkut-pautnya dengan adab dalam proses sosial mereka sebagai ahli politik pada akhir perbincangan. Sekarang diperturunkan dahulu dapatan semasa pengkaji berkenaan ragam bahasa yang dimaksudkan:

Ragam Bahasa Mengejek

Ragam bahasa mengejek didefinikan oleh Za'ba (1965: 207) sebagai:

“Bahasa yang mengata akan sa-saorang atau sa-suatu kumpulan dengan perkataan yang tepat tetapi dengan gaya yang mengajokkan keburokan-nya serta memper-main2kan dia supaya nampak bodohnya dan sia2nya, atau supaya di-tertawakan orang akan dia. Sebab itu tetap saja akan membangkitkan marah dan sakit hati orang yang dikata itu”.

(1965:207)

Dalam pemerhatian pengkaji, dijumpai wacana yang mempamerkan ragam bahasa mengejek seperti berikut:

Data 1:

‘Najib tidak baca bab falsafah’

Ragam bahasa ini lahir akibat daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini yang mengatakan bahawa manifesto gabungan pembangkang tidak mengandungi kandungan kukuh untuk menegakkan dan meneguhkan ekonomi Bumiputera. Berikutan daripada itu, satu kenyataan balas secara mengejek dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Pakatan Harapan, iaitu Datuk Saifuddin Abdullah:

“Najib tidak baca bab falsafah dalam manifesto kami di mana terdapat ikrar yang jelas tentang mempertahankan kedudukan istimewa Melayu dan Bumiputera.

“Ia falsafah yang memayungi 60 janji itu. Tapi Najib tak faham falsafah,” tegasnya.

Pakatan Harapan (Harapan) menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Saifuddin Abdullah menyangkal dakwaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa manifesto yang diketengahkan Harapan memang bersifat holistik dan merangkumi pelbagai perkara yang ditujukan untuk semua rakyat termasuk Melayu dan Bumiputera. Datuk Saifuddin berasa geram kerana DS Najib enggan mengakui kekuatan manifesto Pakatan Harapan yang sememangnya jelas peduli rakyat, apatah lagi berkaitan dengan nasib Bumiputera.

Datuk Saifuddin Abdullah turut menyatakan rasa kekecewaannya lagi berkaitan persempadanan semula yang diketengahkan oleh DS Najib. Masalah Najib menurut

Saifuddin ialah Najib terlalu berpegang pada politik ras. Bagi Najib, semua perkara dilihat dari sudut ras. Kenyataan balas secara mengejek oleh Datuk Saifuddin kepada DS Najib sekali lagi berbunyi begini:

“Sebab itu, persempadanan semula terkini yang mana meningkatkan jumlah kawasan Parlimen dan Dun mengikut pembahagian ras, dianggapnya betul.

Seperti yang dinyatakan oleh Za’ba (1965) tentang definisi bahasa mengejek, ragam bahasa ini akan berfungsi dengan jayanya sekiranya DS Najib ambil hati dengan kenyataan oleh Datuk Saifuddin kerana memperkotak-katikkan kewibawaan DS Najib berkaitan isu yang dibangkitkan. Maka, tujuan Datuk Saifuddin merendah-rendahkan dan membangkitkan sakit hati Perdana Menteri akan berjaya. Imej Perdana Menteri akan tercalar di mata rakyat berikutan kenyataan balas oleh Datuk Saifuddin tersebut.

Data 2:

Anwar dakwa BN luluskan dua usul tergesa-gesa (Sumber berita 31/3/2018)

“Saya berasa amat jijik dengan tindakan BN yang meluluskan usul persempadanan semula di Dewan Rakyat dengan cukup tergesa-gesa tempoh hari.

“Ini adalah perkara yang amat serius yang sepatutnya diberikan masa secukupnya untuk dibahas dan dibincangkan. Tetapi usul tersebut telah diluluskan dalam masa 2 jam sahaja! Ia adalah pengakuan bahawa BN akan kalah PRU14 jika sempadan sedia ada digunakan,” katanya.

Ragaman bahasa mengejek yang keluar daripada mulut Anwar Ibrahim ini adalah susulan daripada Usul Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri yang dibawa oleh Perdana Menteri. Usul tersebut telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Speaker, Tan Sri Pandikar Amin Mulia mengumumkan usul yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu diluluskan dengan majoriti 129 ahli Parlimen menyokong manakala 80 tidak bersetuju. Usul itu diluluskan melalui pengundian belah bahagi yang dijalankan sejourus Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selesai menggulung sesi perbahasan.

Dalam isu ini, Anwar Ibrahim meluahkan rasa kecewanya kerana Dewan Rakyat meluluskan secara tergesa-gesa usul persempadanan semula yang dibawa oleh DS Najib. Bagi Anwar Ibrahim, ia jelas mempamerkan kebodohan Perdana Menteri dan

menjejaskan reputasi negara kerana langkah drastik PM yang mahu menang dalam PRU-14 nanti. Pada hemat pengkaji, unsur ejekan dalam kata-kata Anwar Ibrahim boleh menjatuhkan reputasi DS Najib dan khalayak pembaca berita boleh memandang rendah kepada Perdana Menteri. Menurut Za'ba (1965), jika diperhatikan bahasa mengejek turut menggunakan juga unsur bahasa menyindir dan bahasa menggiat. Kenyataan Za'ba (1965) ini pada pandangan pengkaji dilihat ada kebenarannya kerana jika diteliti pada frasa dan ayat yang dihitamkan dalam kenyataan di atas terdapat unsur yang dimaksudkan. Misalnya, "*Saya berasa amat jijik..., ...Tetapi usul tersebut telah diluluskan dalam masa 2 jam sahaja!... BN akan kalah PRU14....*"

Ragam Bahasa Tempelak

Ragam bahasa tempelak merupakan satu kaedah berbahasa yang digunakan untuk menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu itu. Kelaziman bahasa ini dimanfaatkan oleh pewacana yang marah, bosan dan terganggu fikiran berikutan daripada tindakan seseorang yang enggan menerima nasihat orang lain pada masa dahulu. Fungsi ragam bahasa ini dituturkan ialah untuk membuka mata dan menyedarkan pihak lagi satu. Menurut definisi bahasa tempelak yang diberikan oleh Za'ba (1965: 209) ialah:

"Ia-itu bahasa tepat yang menunjukkan kesalahan sa-saorang kemudian daripada telah di-lakukan-nya, supaya ia sedar akan taksir-nya pada masa sa-belum di-lakukan-nya dahulu, dan supaya ia ingat pada masa yang ka-hadapan pula".

(1965: 209)

Dalam data pengkaji terdapat kenyataan yang berbentuk ragam bahasa tempelak seperti berikut:

Data 3:

Muhyiddin ketua himpunan bantah GST (Sumber berita pada 2/4/2018)

"Kita berhimpun bagi menunjukkan perasaan bantah dan benci kita kepada GST yang dilaksanakan kerajaan BN, masuk tahun ketiga mereka telah memungut hampir RM 105 bilion, yang pastinya kita tahu ia dikutip melalui keringat setiap rakyat hari ini yang begitu terbeban.

"Hari ini, kita juga nak ingatkan rakyat bahawa GST ialah sistem cukai yang cukup zalim, dikenakan kepada rakyat tak kira kaya atau miskin, sehingga peminta sedekah pun kena GST. Cukai GST beri kesan cukup besar kepada rakyat.

"Namun, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sendiri bersikap endah tak endah dengan rintihan rakyat ini," ...

Kenyataan yang dikeluarkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita di atas, jelas mempamerkan ragam bahasa tempelak. Muhyiddin kini merangkap Presiden Bersatu menyatakan kebosanan dan marah dengan tindak-tanduk kerajaan bawah pimpinan Perdana Menteri yang tidak peduli akan kesusahan rakyat di bawah yang terbeban dengan cukai GST dan terus-terusan mempertahankan kerationalan GST diaplikasikan di Malaysia. Muhyiddin sebenarnya cuba menyedarkan Perdana Menteri agar kesalahan tersebut tidak berulang lagi. Dalam erti kata lain, Muhyiddin mahu GST dimansuhkan, sekiranya DS Najib betul-betul berjiwa rakyat dan menjiwai slogan keramat ciptaannya, iaitu *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*.

Perhimpunan anjuran Pakatan Harapan tersebut yang diketuai oleh Muhyiddin itu, telah berlangsung di perkarangan pusat beli belah Sogo pada 1.4.2018 lalu, bertujuan mengingatkan kerajaan bahawa pelaksanaan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST) begitu membebankan setiap lapisan rakyat sepanjang tiga tahun pelaksanaannya.

Data 4:

Salleh persoal ke mana Tun M mahu bawa negara ini (Sumber berita 2/4/2018)

"Jika untuk menentang ketirisan dan kelemahan tadbir urus kerajaan BN, tidak ingatkah Tun Mahathir bahawa yang tiris sebenarnya ialah skandal BMF RM2.5 billion dan skandal forex RM30 bilion yang terjadi di zaman pemerintahannya? Inilah ironisnya politik Tun Mahathir ini iaitu beliau menciptakan paradoksnya sendiri," ...

Ayat di atas, ditulis oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak dalam catatan terbaharu di blog beliau. Ragam bahasa tempelak DS Salleh terhadap Tun Mahathir sangat ketara. Kenyataan yang dikeluarkan oleh DS

Salleh Keruak diibaratkan seperti “memulangkan paku buah keras” kepada Tun Mahathir. Bagi DS Salleh, Tun Mahathir tidak perlu memperbesar-besarkan hal DS Najib kerana ibarat Tun Mahathir meludah ke langit.

Ragam bahasa tempelak yang ditujukan DS Salleh kepada Tun Mahathir, pada hemat DS Salleh sangat bertepatan kerana pada satu ketika dahulu Tun Mahathir bersikap autokratik dan percaya kepada ‘*strong government*’ untuk melindungi kedudukan orang Melayu, kini sanggup bersekongkol pula dengan DAP yang dimusuhinya selama ini. Tambahan pula, dalam tempoh pemerintahan Tun Mahathir selama 22 tahun yang lalu, semua orang tahu bahawa Tun Mahathir menyekat hak kebebasan mahasiswa bersuara dan menyertai politik serta mewujudkan akta AUKU. Kini, setelah tidak lagi berkuasa, Tun Mahathir bertindak mendekati golongan anak muda demi undi! Maka, atas rasional inilah DS Salleh mengeluarkan bahasa tempelak kepada Tun Mahathir.

RAGAM BAHASA KELUHAN

Pengkaji dapati juga dalam wacana beritaini, ada data yang mempamerkan ragam bahasa keluhan. Ragam bahasa keluhan dizahirkan bertujuan untuk menyatakan rasa kecewa dan sesal oleh seseorang atas sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku.

Datuk Seri Salleh Keruak merangkap Bendahari UMNO mengeluh tentang sikap Tun Mahathir. Beliau mempersoalkan sama ada Tun Dr Mahathir Mohamad ingin membawa negara ini ke arah negara demokratik atau sebaliknya seperti di bawah ini:

Data 5:

Salleh persoal ke mana Tun M mahu bawa negara ini (Sumber berita pada 2/4/2018)

“Dengan sikap politiknya yang paradoks ini, ke manakah sebenarnya Tun Mahathir mahu membawa Malaysia ini? Jika ke arah negara demokratik, apakah tidak demokratik lagi sikap politik Datuk Seri Najib (Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak) yang menghapuskan ISA dan meminda Auku?”

“Jika untuk mewujudkan bangsa Malaysia, apakah tidak lengkap lagi pemerintahan DS Najib yang bersifat inklusif, merakyat, dan menghargai kepelbagaian?”

Beliau yang mempersoalkan perubahan sikap Mahathir turut berkongsi pandangan pemerhati politik yang memberikan tiga sebab punca perubahan itu.

“Pertama, Tun mempunyai ‘superiority complex’, suatu sikap yang tidak boleh menerima kelebihan orang lain. Kedua, Tun kecewa dengan sikap barisan pemimpin tinggi UMNO yang tidak menyokong anaknya untuk menang dalam pemilihan naib presiden.

“Ketiga, beliau tidak berpuas hati dengan beberapa polisi DS Najib yang dilihatnya cuba menghapuskan legasinya.

“Jika begitu alasan Mahathir untuk menentang Najib dan keluar dari parti UMNO yang diketuainya selama 22 tahun, ke mana Tun Mahathir mahu membawa politik Malaysia ini? Kuatnya paradoks politik Tun,” ...

RAGAM BAHASA SINDIRAN

Ragam bahasa jenis ini merujuk kepada ayat yang maksudnya tidak dinyatakan terus atau dengan tepat, namun dikiaskan kepada perkara atau maksud yang lain. Penutur yang menggunakan bahasa sindiran ini kebiasaannya akan menggunakan perkataan yang tidak lengkap ketika berkomunikasi. Bahasa sindiran menurut Za’ba (1956:206) lagi ialah:

“perkataan yang di-tujukan maksud-nya kepada sasaorang dengan tidak disebutkan tepat, hanya di-sigong dengan dikias2kan atau di-arahkan kepada perkara lain kerana tiada suka hendak menyebut terang2. Tetapi jikaorang yang di-tujukan itu mengerti maka terlebih dalam makan-nya daripada perkataan yang di-katakan dengan terus terang”.

(1965: 206)

Hal ini bermakna, dalam konteks orang yang menyindir akan menggunakan ayat agak kabur tetapi orang yang disindir boleh memahami bahawa bahasa itu ditujukan kepadanya. Lebih-lebih lagi jika jelas menyebut nama orang yang disindir.

Walau bagaimanapun, ragam bahasa ini akan hilang fungsinya sebagai bahasa sindiran sekiranya orang ditujukan itu tidak memahami maksud penyampaiannya oleh penutur (Rohaidah 2016).

Dalam hal yang berkaitan dengan politik semasa negara, khalayak pembaca pula perlu ada ada pengetahuan am tentang politik semasa supaya mudah mengetahui perkara yang disindir dan siapa yang kena sindir. Lihat sahaja data wacana berita di bawah:

Data 6

Najib cuba jatuhkan Bersatu

.....“Lebih malang lagi Bersatu diketuai oleh individu tidak berpengalaman, umur 92 tahun tapi Najib tetap nak lumpuhkan parti ini,” sindirnya.

Ungkapan ini dibuat oleh mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri semasa, iaitu DS Najib Tun Razak. Beliau mendakwa, Perdana Menteri berusaha bersungguh-sungguh untuk melumpuhkan kebangkitan Bersatu dan DS Najib sangat takut dengan kebangkitan Bersatu. Menurut Tun Mahathir, Bersatu sudahpun didaftarkan, tetapi masih dipersoalkan oleh pihak kerajaan. Bahasa sindiran ini juga lahir susulan pihak pemerintah yang memperlekehkan manifesto Pakatan Harapan yang dianggap oleh BN bersifat populis dan retorik semata-mata.

Bukan sesuatu yang menghairankan jika bahasa sindiran ini digunakan oleh semua parti di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam konteks data ini, parti pembangkang banyak tidak berpuas hati dengan perkara yang dilakukan oleh parti kerajaan. Maka, akan timbullah pelbagai perkataan, frasa, klausa dan ayat-ayat yang kurang enak didengar seperti ayat-ayat sindiran. Tujuannya agar parti lagi satu panas telinga dan orang awam mengetahui kelemahan parti pemerintah. Sekaligus, boleh mempengaruhi bilangan pengundian nanti yang diharapkan memihak kepada pembangkang.

PERBINCANGAN

- I. Terdapat beberapa ragam bahasa yang dipraktikkan secara meluas di Sinaronline seperti ragam bahasa mengejek, ragam bahasa tempelak, ragam bahasa sindiran dan ragam bahasa keluhan.
- II. Pewacana (ahli politik) berjaya menyampaikan maksud yang terpendam melalui pelbagai ragam bahasa mengikut isu yang dibangkitkan.
- III. Pewacana kurang peka dengan bahasa yang disampaikan, sehingga lupa kepada adab dalam berbahasa. Unsur sindir-menyindir, ejekan, dan bahasa tempelak bukanlah sebahagian daripada akhlak dan adab mulia ketika berkata-kata seperti yang disyariatkan oleh agama Islam. Pewacana perlu kembali kepada garis panduan Islam sekiranya mahu menasihati antara satu sama lain walaupun berlainan parti.

KESIMPULAN

Bahasa yang dituturkan oleh seseorang kepada individu lain mencerminkan akhlak dan perilaku perucap. Walau marah, benci, geram dan segala macam emosi khususnya dalam hal politik negara, seseorang perlulah menjunjung adab dan perilaku bahasa yang mulia sebagaimana yang ditekankan oleh ajaran Islam.

Pelbagai ragam bahasa ahli politik yang dikaji semuanya menjurus kepada keburukan yang bersifat merendah-rendahkan maruah individu, mencerca, menyindir, mengejek dan sebagainya adalah perlu dihindarkan. Hal ini turut diingatkan oleh Mufti Wilayah Pesekutuan Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang memberi 10 nasihat kepada pemimpin politik dan masyarakat dalam menghadapi PRU-14. Beliau berkata, nasihat ini adalah tulus daripada hati kepada seluruh pemimpin politik tanpa mengira warna dan logo dan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa. 10 nasihat itu termasuk bersatu dengan berpegang kepada agama Allah dan tidak bertelagah sesama sendiri, menjunjung akhlak dan adab, serta berkata benar dan baik. Menurutnya, semua pihak harus menjauhi perbuatan melabel-labelkan dan memberi gelaran tidak baik terhadap pihak lain.

“Apa diucapkan seseorang pemimpin, itulah ikutan penyokong masing-masing. Jika baik ucapannya, maka baiklah yang dituturkan penyokong. Jika sebaliknya, itulah ‘modal’ bagi penyokong melemparkan kata-kata nista kepada lawan,” katanya.

Selain itu, ahli politik perlu mengelakkan daripada menghina, mencaci, dan melaknat sesama sendiri.

“Ingatlah, boleh jadi orang dihina itu jauh lebih mulia dan baik daripada kita,”katanya.

Beliau juga menambah jika perlu berdebat, perlu lakukan dengan sebaik-baiknya.

"Dalam perdebatan, nilai intelektual, ketepatan maklumat dan hujah benar lagi sahih dengan dalil naqli (nas al-Quran dan hadis) serta mantiq aqli (logik akal) perlu dijunjung," katanya (<http://www.astroawani.com/berita-politik/10-nasihat-mufti-wilayah-untuk-hadapi-pru14-171896>)

Oleh itu, sewajarnya semua ahli politik menjaga batas-batas percakapan dan tindak-tanduk mereka kerana mereka adalah ketua dan akan menjadi ikutan kepada orang di bawah dan juga rakyat keseluruhannya. Contohilah akhlak baginda Rasulullah S.A.W yang berkata benar dalam setiap percakapannya dan menjunjung amanah Allah sebagai pemimpin. Jika ingin menegur seseorang, tegurlah dengan secara berhemah dan berhikmah. Maka, dapat disimpulkan di sini bahawa ragam bahasa yang dituturkan oleh ahli-ahli politik sama ada pembangkang mahupun pihak kerajaan adalah tidak selari dengan akhlak Islam yang sebenar. Mereka perlu sedar dan berubah agar orang bukan Islam nampak kecantikan agama Islam yang dibawa oleh penganutnya kerana Islam itu indah. Pemimpin Islam perlu bersatu padu, buktikan dan tunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia adalah negara Islam tulen dan sebenar dan bukannya omongan semata-mata. Semoga negara kita menjadi negara yang mendapat rahmat dan pengampunan Allah.

RUJUKAN

- Ahmad Mahmood Musanif (1998) *Tanya-jawab dalam novel "Salina" karangan A. Samad Said : satu kajian berdasarkan teori lakuan pertuturan / Ahmad Mahmood bin Musanif*. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Austin, J. L. 1962. *How to do things with words*. London: Oxford University Press.
- Edward Sapir. 1921. *An introduction to the study of speech*. New York: Harcourt, Brace and company.
- Fairclough, N. 1989. *Language and Power*. London: Longman.

- Idris Aman. 2006. Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhasliza Ramli. 2017. Penerapan Elemen Keislaman dan Sebaliknya dalam Status Aplikasi Whatsapp: Satu Kajian Ragam Bahasa Pengguna.dlm. e-prosiding Seminar Antara Universiti Lepas Ijazah (SAPLI 2017).
- Norhasliza Ramli. 2014. Manifesto DAP dari sudut analisis kewacanaan: Satu kajian lepas. Kertas kerja Seminar Serantau, Peradaban dan Pemikiran Islam 2014 (ReCIT 2014), The Every Hotel Putrajaya. 27-28 Oktober 2014.
- Rohaidah Haron. 2016. Ragam bahasa dalam wacana perbicaraan di Mahkamah. dlm. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2016) JILID 1. (hlm.208-224). Selangor: Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Rohaidah Haron. 2016. Variasi Bahasa dalam Filem KL Gangster: Perspektif Sociolinguistik.dlm Bahasa Ibu Sebagai Sumber Budaya Literasi.(hlm.653-661). Bandung: Unpad Press.
- Shamsudin A. Rahim. 1993. Komunikasi Asas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. 1965. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. 2002. Ilmu Mengarang Melayu, Edisi Ejaan Rumi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan Internet

<http://www.wikipedia.com>

<http://www.sinarharian.com.my/pru-pru>

<http://www.astroawani.com/berita-politik/10-nasihat-mufti-wilayah-untuk-hadapi-pru14-171896>